PP

lwn.

DOMINIC LANG

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, JOHOR BAHRU
KAMARDIN HASHIM H
[PERBICARAAN JENAYAH NO: 45B-14-2009]
18 MEI 2011

PROSEDUR JENAYAH: *Pertuduhan - Pertuduhan alternatif - Tertuduh mengaku bersalah - Sama ada tertuduh patut diberikan diskaun pertuduhan atas akuan bersalah - Budibicara mahkamah - Faktor-faktor yang diambilkira dalam penghukuman*

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Hukuman - Rayuan terhadap hukuman - Kanun Keseksaan, s. 304 - Homisid salah yang tidak terjumlah kepada kesalahan membunuh - Tertuduh mengaku bersalah - Sama ada hukuman sejajar dengan kesalahan*

Tertuduh dan si mati merupakan rakan sekerja yang tinggal sebumbung bersama dengan enam yang lain. Pada malam 27 April 2008, kesemua mereka telah meminum air tapai dan selang sejam kemudian, suatu pertengkaran dan pergaduhan telah tercetus antara tertuduh dan si mati. Dalam pergaduhan tersebut, tertuduh telah menikam belakang badan si mati menggunakan sebilah pisau pemotong sayur. Laporan bedah siasat mendedahkan bahawa kematian si mati adalah akibat daripada tikaman kedua yang telah mengenai bahagian aortanya. Pada asalnya, tertuduh telah dituduh di bawah s. 302 Kanun Keseksaan namun pihak pendakwaan telah menawarkan pertuduhan alternatif di bawah s. 304(a) Kanun Keseksaan iaitu homisid salah yang tidak terjumlah kepada kesalahan membunuh. Tertuduh kemudiannya mengaku salah di bawah s. 304(a) dan disabitkan dengan hukuman 12 tahun penjara berkuatkuasa dari tarikh tangkapan. Pihak pendakwa raya merayu terhadap hukuman tersebut.

Diputuskan (mengekalkan hukuman 12 tahun penjara):

(1) Dalam menjatuhkan hukuman 12 tahun penjara, mahkamah mengambilkira faktor usia muda tertuduh; bahawa dia telah mengaku salah dan menyesal atas perbuatannya; dan kesalahan tersebut berlaku secara tiba-tiba. Adalah diterimapakai secara amnya bahawa tertuduh seharusnya diberikan kredit atau

diskaun jika dia mengaku bersalah. Merujuk kepada maksud penghukuman menurut undang-undang dan prinsip-prinsip penghukuman yang kukuh, mahkamah telah melaksanakan budibicaranya dalam menjatuhkan hukuman ke atas tertuduh dengan mempertimbangkan kepentingan awam yang diselaraskan dengan kepentingan tertuduh sendiri. Mahkamah juga melihat kepada faktor dan keadaan khas (extenuating circumstances). Berdasarkan kerjasama tertuduh yang menjimatkan masa dan perbelanjaan semua pihak, tertuduh wajar diberikan diskaun atas pengakuan salahnya.

(2) Mahkamah membezakan kes ini dengan kes *Sinnathurai Subramaniam v. PP*. Dalam kes *Sinnathurai*, pembunuhan dilakukan dengan cara kejam sedangkan si mati tidak diperlakukan secara zalim dan kejam. Kedua-dua tertuduh dan si mati berada dalam keadaan mabuk di bawah pengaruh air tapai. Senjata yang digunakan juga dipersetujui bukanlah pada asasnya boleh membawa maut. Berbeza dengan kes *Sinnathurai*, pergaduhan yang berlaku adalah akibat bangkitan marah, tidak dirancang atau disengajakan dan telah dimulakan oleh si mati sendiri.

Kes-kes yang dirujuk:
Sinnathurai Subramaniam v. PP [2011] 5 CLJ 56 CA ***(dibezakan)***
Tan Lay Chen v. PP [2000] 4 CLJ 492 HC ***(dirujuk)***
Vinaga Moorthy Gopal v. PP [2003] 1 CLJ 758 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, s. 183
Penal Code, ss. 302, 304(a)

Bagi pihak tertuduh - Md Zahar Ngah; T/n Zahar Ngah & Co
Bagi pihak pendakwaan - Rahimah Abdul Majid TPR

Dilaporkan oleh Najib Tamby

PENGHAKIMAN

Kamardin Hashim H:

[1] Pada awalnya, tertuduh dihadapkan dengan satu pertuduhan membunuh yang membawa hukuman mati di bawah s. 302 Kanun Keseksaan. Setelah sepuluh saksi memberikan keterangan, pihak pendakwaan telah menawarkan satu pertuduhan pilihan kepada tertuduh. Pertuduhan pilihan tersebut dibaca seperti berikut:

Pertuduhan Pilihan

Bahawa kamu pada pada 28/4/2007 jam di antara 12.00 malam hingga 2.00 pagi di rumah beralamat No. 30, Jalan Danau 2, Taman Desa Jaya, Ulu Tiram, di dalam Daerah Johor Bahru, di dalam Negeri Johor Darul Ta'zim, telah menyebabkan kematian Sung Pui Heng (No. K/P: 780313-13-5345) dengan niat menyebabkan tubuh badan yang mungkin menyebabkan kematiannya, dan dengan itu kamu telah melakukan homisid salah yang tidak terjumlah kepada kesalahan membunuh yang boleh dihukum di bawah seksyen 304(a) Kanun Keseksaan.

[2] Tertuduh telah mengaku salah sebaik sahaja pertuduhan pilihan tersebut di bacakan. Setelah memastikan tertuduh faham akan sifat dan akibat daripada pengakuan bersalah beliau dan setelah mengakui kepada fakta kes serta barang-barang kes yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan, mahkamah ini menerima pengakuan bersalah oleh tertuduh tersebut. Atas sabitan, tertuduh telah dijatuhkan dengan hukuman 12 tahun penjara berkuatkuasa mulai tarikh beliau ditangkap iaitu 28 April 2007.

[3] Pihak pendakwaraya telah tidak berpuashati terhadap hukuman yang dikenakan dan sekarang merayu ke Mahkamah Rayuan terhadap hukuman tersebut.

Fakta Kes

[4] Tertuduh dan Sui Pui Hieng (Simati) merupakan rakan yang tinggal bersama enam yang lain di sebuah rumah kedai di alamat No. 30, Jalan Danau 2, Taman Desa Jaya, Ulu Tiram. Kesemua mereka berasal dari negeri Sarawak dan merupakan pekerja sebuah kilang di Ulu Tiram.

[5] Pada 27 April 2008 mulai jam sekitar 11 malam simati dan tertuduh bersama-sama dengan enam rakan serumah mereka telah mula meminum air tapai diruang tamu rumah kedai tersebut. Selepas kira-kira satu jam meminum air tapai, berlaku pertengkaran dan pergaduhan diantara tertuduh dan simati. Dalam pergaduhan tersebut, tertuduh telah mengambil sebilah pisau yang digunakan untuk memotong sayur dari bahagian dapur dan telah menikam bahagian belakang badan simati sebanyak dua kali. Simati telah menemui ajalnya disana sebelum jasadnya dihantar ke Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru untuk bedah siasat.

[6] Saksi Pakar Perubatan Forensik, Dr Aznool Haidy bin Haji Ahsorori (SP1) yang menjalankan bedah siasat keatas jasad Simati pada 28 April 2008 jam 5.10 petang mengesahkan terdapat dua luka tikaman di bahagian belakang badan simati. Luka tikaman tersebut setiap satunya berukuran 2 x 0.5cm. Luka tikaman pertama sedalam 6cm telah mencederakan bahagian organ dalaman diafragma kiri, aorta (pembuluh utama) dan sebahagian gaster (perut). Luka tikaman kedua sedalam 9cm telah mencederakan paru-paru kanan simati. SP1 bagaimana pun berpendapat bahawa luka tikaman yang pertama adalah merupakan kecederaan yang membawa maut kepada simati. Saksi seterusnya menyatakan sebab kematian simati adalah 'Stabbed Wound to the Aorta'.

Keputusan

[7] Seksyen 183 Kanun Tatacara Jenayah memperuntukkan 'If the accused is convicted, the court shall pass sentence according to law'. Apa yang diertikan sebagai menjatuhkan hukuman mengikut undang-undang telah dijelaskan oleh Augustine Paul J (ketika itu) dalam kes *Tan Lay Chen v. PP* [2000] 4 CLJ 492, seperti berikut:

> The phrase 'pass sentence according to law' in the subsection means that the sentence imposed must not only be within the ambit of the punishable section but it must also be assessed and passed in accordance with established judicial principles (See: *Re Chang Cheng Hoe & Ors* [1966] 1 LNS 155, *PP v. Jaafar Daud* [1981] 1 LNS 28, *Philip Lau Chee Heng v. PP* [1982] 2 CLJ 873; [1988] 2 CLJ (Rep) 144). The assessment of a sentence in accordance with judicial principles clearly contemplates, *inter alia,* a consideration of the mitigating circumstances in favour of the person to be sentenced. It is generally accepted that an accused person should be given credit or discount for pleading guilty (See: *Sau Soo Kim v. PP* [1975] 1 LNS 158, *PP v. Sulaiman b. Ahmad* [1933] 1 MLJ 74, *PP v. Ravindran & Ors* [1992] 1 LNS 47). However, it is not a strict rule as the court may, in the exercise of its discretion, refuse to grant any discount in an appropriate case (See: *Zaidon Shariff v. PP* [1996] 4 CLJ 441, *PP v. Lee Say & Ors* [1985] 2 CLJ 155; [1985] CLJ (Rep) 683). The severity of the offence may outweigh the mitigating effect of a guilty plea (See: *Loh Hock Seng & Anor v. PP* [1979] 1 LNS 48, *PP v. Oo Leng Swee & Ors* [1981] 1 LNS 109). Where public interest demands a deterrent sentence in the circumstances of a particular case, then the effect of a guilty plea must also give way (See:

Sim Gek Yong v. PP [1995] 1 SLR 537, *R v. Costen* [1989] 11 Cr App R (s) 182). Thus, there can be no automatic rule that a guilty plea on its own entitles an accused to a lesser punishment (See: *PP v. Govindnan Chinden Nair* [1998] 2 CLJ 370). Be that as it may, as I said earlier it must not be overlooked that the general rule is that an accused should be given a lesser punishment for pleading guilty. There can, as I have said, be a departure from this general rule. However, there must be good reasons for doing so.

[8] Mahkamah Rayuan dalam kes *Vinaga Moorthy Gopal v. PP* [2003] 1 CLJ 758 telah menggariskan secara ringkasnya prinsip-prinsip penghukuman bagi pesalah-pesalah, seperti berikut:

In assessing the length of custodial sentence, the court must look at the overall picture in perspective by considering, firstly, the gravity of the type of offence committed; secondly, the facts in the commission of the offence; thirdly, the presence or absence of mitigating factors, and, fourthly, the sentences that have been imposed in the past for similar offences to determine the trend of sentencing policy, if any. The fact that a sentence of imprisonment is imposed as a deterrence does not justify the sentencer in passing a sentence of greater length than what the facts of the offence warrant.

[9] Setelah menimbangkan maksud penghukuman mengikut undang-undang dan prinsip-prinsip penghukuman yang kukuh dan diterimapakai oleh mahkamah-mahkamah di Malaysia, saya telah melaksanakan budibicara kehakiman dalam menjatuhkan hukuman keatas tertuduh dalam kes ini. Faktor terpenting dan paling utama saya pertimbangkan adalah kepentingan awam diselaraskan dengan kepentingan tertuduh sendiri. Kesalahan mematikan orang walapun tidak terjumlah kepada kesalahan membunuh adalah merupakan kesalahan serius yang mewajarkan pesalah dikenakan hukuman yang deteran sebagai pengajaran dan pencegahan kepada orang ramai supaya tidak melakukan kesalahan serupa. Walau apa pun hukuman dijatuhkan oleh mahkamah keatas pesalah, ianya tidak dapat mengembalikan semula simati kedunia ini.

[10] Selain daripada faktor kepentingan awam dan seriusnya kesalahan yang dilakukan oleh tertuduh, saya turut memberikan pertimbangan kepada faktor dan keadaan khas (extenuating circumstances) dalam kes ini. Tertuduh telah di bicarakan pada asalnya dengan pertuduhan membunuh tetapi beliau kemudiannya

telah di lepas tanpa dibebaskan atas alasan pihak pendakwaan gagal mengemukakan saksi-saksi utama dan saksi mata ke mahkamah. Setelah dibebaskan, tertuduh telah ditangkap semula dan dibicarakan atas tuduhan membunuh dihadapan mahkamah ini. Setelah sepuluh saksi member keterangan, pihak pendakwaan menghadapi masalah yang sama iaitu gagal untuk mengesan saksi-saksi utama dan saksi mata yang melihat kejadian. Akibat daripada itu, pihak pendakwaan telah mengemukakan pertuduhan pilihan di bawah s. 304(a) Kanun Keseksaan dimana tertuduh telah mengaku salah tanpa sebarang kelengahan. Tertuduh sejak awal telah mengemukakan representasi kepada Jabatan Peguam Negara untuk beliau mengaku salah sekiranya pertuduhan terhadap beliau dikurangkan. Pengakuan salah tertuduh telah menjimatkan masa dan perbelanjaan semua pihak. Tertuduh wajar diberikan diskaun untuk pengakuan salah beliau tersebut.

[11] Satu lagi faktor kelainan dalam kes ini adalah bahawa kejadian berpunca akibat satu pergaduhan yang dimulakan oleh simati sendiri dan kejadian berlaku secara tiba-tiba, tanpa sebarang perancangan. Kedua-dua simati dan tertuduh turut berada dalam keadaan mabuk air tapai. Tertuduh telah memberikan kerjasama sepenuhnya dalam siasatan pihak polis dalam kes ini. Selepas menikam simati, tertuduh terus berada dirumah tersebut sehingga kedatangan pihak polis. Beliau tidak melarikan diri walaupun ada masa untuk berbuat demikian. Senjata yang digunakan oleh tertuduh hanya sebilah pisau kecil digunakan untuk memotong sayur. Menurut SP1 sekiranya pisau tersebut tidak mencederakan aorta, kematian simati tidak akan berlaku. Tertuduh juga merupakan pesalah pertama.

[12] Keadaan dalam kes terhadap tertuduh wajar dibezakan dengan keadaan yang berlaku dalam kes *Sinnathurai Subramaniam v. PP* [2011] 5 CLJ 56 di mana dalam kes tersebut walaupun tertuduh dalam kes itu telah dihadapkan dengan satu pertuduhan di bawah s. 304(a) Kanun Keseksaan tetapi beliau telah menyebabkan kematian terhadap dua orang iaitu seorang perempuan bernama Khosla Devi dengan anak perempuannya Keerthisa yang mana pembunuhan telah dilakukan dengan cara yang amat kejam. Dalam kes tersebut Khosla Devi telah diikat kaki tangan dan mulut ditutup telah disumbat dalam boot kereta dan Keerthisa telah didudukkan dalam kereta yang sama sebelum kereta itu dibakar oleh tertuduh. Dalam kes itu tertuduh telah dikenakan

hukuman 24 tahun penjara. Ahmad Maarop HMR dalam menyampaikan keputusan Mahkamah Rayuan dalam mengesahkan hukuman 24 tahun keatas tertuduh dalam kes tersebut menyatakan:

> I detect no appealable error in the judgment of the learned judge. The facts reveal a terribly cruel and grave nature of the offence committed by Sinnathurai and Kristina. To reiterate, at the material date and time they had pounced upon Khosla, dragged her into a room and then tied her hands and legs before dumping her into the boot of her car. Keerthisa was taken into the car and made to sit with Kristina. The car then was driven to the scene, where Sinnathurai and Kristina alighted from it leaving Khosla locked in the boot of the car and Keerthisa locked in the car. Then Sinnathurai torched the car. In other words, Sinnathurai had deliberately burnt them alive. The pain, torture and terror as well as utter helplessness experienced by Khosla and her little daughter as the raging fire consumed the car would be beyond description. Such revolting facts which depict the very inhuman and savage nature of Sinnathurai's act would surely outrage the feeling of right thinking and sane members of the community. In such a case public interest demands that a sufficiently long imprisonment term be imposed to truly reflect the gravity of the offence and to demonstrate society's abhorrence of this particular type of offence. The sentence passed must also serve as a stark and plain warning that the court would be in no mood to tolerate such an offence and very severe penalty awaits any person who dare commit such a crime.

[13] Keadaan yang berlaku seperti dalam kes *Sinnathurai* tidak berlaku dalam kes di hadapan mahkamah sekarang. Apa yang berlaku dalam kes terhadap tertuduh disini adalah jauh berbeza dimana simati tidak diperlakukan secara zalim dan kejam. Kejadian berlaku dalam keadaan tertuduh dan simati berada di bawah pengaruh alcohol. Pertengkaran dan pergaduhan dimulakan oleh simati sendiri. Kejadian berlaku akibat daripada bangkitan marah yang timbul secara tiba-tiba dan berlaku dengan tanpa diduga. simati telah ditikam sebanyak dua kali di bahagian belakang menggunakan pisau pemotong sayur yang kecil dan pendek yang dipersetujui bukanlah pada asasnya sebilah senjata maut. Malangnya salah satu tikaman tersebut telah mengenai bahagian aorta dan simati telah mengalami kehilangan darah yang banyak sehingga membawa kepada kematian beliau.

A **[14]** Mahkamah ini turut mempertimbangkan faktor-faktor mitigasi yang dikemukakan oleh tertuduh melalui peguamnya. Faktor-faktor tersebut adalah bahawa tertuduh masih berusia muda patut diberi peluang untuk kembali ke pangkuan masyarakat dan keluarganya, beliau telah mengaku salah dan menyesal atas perbuatan beliau,
B beliau tiada mempunyai rekod kesalahan lampau dan kesalahan berlaku secara tiba-tiba terhadap kawan serumah dengan beliau sendiri. Hukuman penjara yang panjang semata-mata tidak membawa makna kepada kepentingan awam tetapi sebaliknya sekiranya hukuman tersebut dapat mencorakkan cara hidup yang
C baru dan peluang yang baru kepada tertuduh, adalah lebih baik dan memadai. Saya percaya dengan hukuman 12 tahun penjara ke atas tertuduh, beliau tidak akan mengulangi sebarang kesalahan di masa akan datang.

D

E

F

G

H

I